

Pecah kereta untuk curi duit siling

MUHAMMAD AFHAM RAMLI
15 JANUARI 2018



Antara kenderaan yang terlibat.

A- A+ (Ubah saiz teks)

BANTING - Seorang penganggur yang dipercayai memecahkan kira-kira 20 buah cermin kenderaan di sekitar Taman Dato Hormat, Telok Panglima Garang, Banting semalam untuk mendapatkan duit siling dan barang berharga diberkas polis.

Difahamkan, perbuatan lelaki berusia 28 tahun itu disedari oleh seorang penduduk taman berkenaan kira-kira jam 2.30 pagi sebelum membuat laporan polis.

Antara kenderaan yang terlibat adalah pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton milik Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perodua Kancil, Perodua Alza, Perodua Kenari dan Proton Gen 2.



TELUS & TULUS
Sinar
ONLINE

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azizan Tukiman berkata, lelaki itu ditahan di sebuah rumah di Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang, Banting, di sini kira-kira pukul 11 pagi, hari kejadian.



"Suspek selepas dikesan selepas polis meneliti beberapa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang berada sekitar lokasi kejadian.

"Berdasarkan rakaman CCTV itu, kelihatan suspek yang menaiki sebuah kereta jenis Perodua Myvi telah melakukan perbuatan khianat terbabit," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, soal siasat mendapati, suspek yang didapati positif dadah ini mengaku melakukan perbuatan memecah cermin kenderaan penduduk sekitar taman terbabit.

Katanya, motif kejadian dipercayai suspek hendak mencuri duit siling atau barang berharga dalam kereta, tetapi kebanyakan kenderaan tidak memiliki barang itu.

"Suspek kini direman selama empat hari dan kes disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan," katanya.